

PROGRAM ZIARAH INTEGRITI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN KKM, PUTRAJAYA

Ziarah Integriti adalah program anjuran Unit Integriti Siri 1 Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada 27 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Aras 9 Blok E7 Kompleks E, Putrajaya. Kesemua peserta yang mengikuti program ini adalah seramai 49 orang yang terdiri dari penjawat awam di Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. Peserta yang hadir merangkumi semua kumpulan gred jawatan dan sepanjang program berlangsung bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 12.30 tengahari. Pengisian di dalam program tersebut, ialah untuk menerapkan nilai-nilai murni yang diperlukan ada dalam kalangan penjawat awam, melalui slot yang diisi oleh Pengukuhan Integriti. Sesi seterusnya telah disampaikan oleh Encik Musabaqah bin Zainuddin berkenaan etika dan tata tertib dikalangan penjawat awam dan sesi terakhir telah disampaikan oleh wakil PPZ-MAIWP berkenaan kepentingan berzakat dan faedah potongan zakat melalui Skim Thohir.

Objektif program ini adalah untuk memperkukuhkan integriti dan kesedaran penjawat awam agar dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam menjalankan tugas seharian melalui pembentukan keperibadian yang unggul dan memiliki keutuhan budaya serta moral yang tinggi serta mematuhi peraturan dan kelakuan yang telah ditetapkan.

Para peserta juga telah mendapat manfaat daripada program ini dan antara maklumbalas mereka berkenaan program sebegini adalah sangat baik dan memberikan kefahaman yang lebih jelas berkaitan integriti dan tata tertib sebagai penjawat awam. Para peserta juga berpeluang untuk menunaikan zakat melalui potongan Skim Thohir yang telah diperkenalkan oleh PPZ-MAIWP

Secara keseluruhannya, program yang dianjurkan Unit Integriti, Kementerian ini telah berjaya memberikan kefahaman para peserta dalam memberi kefahaman berkenaan

fungsi Unit Integriti KKM khususnya berkenaan pemantapan nilai murni dan kepatuhan terhadap tata tertib.

Wassalam.